

مسلمین MÜSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama

NOVEMBER 2022M

Rabiulakhir - Jamadilawal 1444H
Tahun 34 • Bil 11



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah



BERITA UTAMA

MEMEDULI MERINGANKAN KESULITAN BAGI YANG MEMERLUKAN

» 3



Doa Kesyukuran Memperingati Penubuhan 25 Tahun STAR

Majlis berkenaan bertujuan untuk menghargai penglibatan kanak-kanak remaja untuk berjinak-jinak dengan pembacaan al-Qur'an secara bertarunum.



Lakukan Setiap Pekerjaan dengan Ikhlas

Seramai 72 pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2020 dan 64 pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2021 telah diraikan.



Memupuk dan Menanamkan Minat Mempelajari Bahasa Arab

Tujuan kursus diadakan adalah bagi mempromosikan serta membudayakan bahasa Arab khususnya dalam kalangan warga perkhidmatan awam dan agensi-agensi yang berkaitan.

Sembahyang Sunat
Gerhana Bulan

8

83 Peserta Kelas
Bimbingan Muallaf
Diraikan

13

Pentingnya Doa
dalam Kehidupan

9

Pupuk Semangat Kanak-
kanak Menjadikan
Membaca Al-Qur'an
Amalan Harian

14

Sambutan Jubli
Perak Masjid
Serdang

10-11

Majlis Penutup dan
Penyampaian Sijil
Bengkel Pengucapan
Umum

15

Seramai 54 Peserta
Memperdengarkan
Bacaan

12

Penggunaan Media
Sosial Perlulah Sahih
Sebelum Menyebarkan

19



لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ

Tiada tuhan yang disembah melainkan Allah yang Maha Menjadi Raja, Maha Benar, Maha Menjelaskan. Nabi Muhammad Utusan Allah yang Maha Benar, Menepati Janji dan Dipercayai.

FADHILATNYA:
Dengan mengamalkan zikir ini akan mendapat keamanan dari kefakiran dan menjadi penenteram dari rasa takut dalam kubur.

BERSEDEKAH AMALAN MULIA

| Lidah Pengarang |



Agama Islam menggalakkan umatnya untuk saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam perkara kebaikan dan salah satu daripadanya adalah dengan bersedekah. Sedekah bererti suatu pemberian yang diberikan oleh seseorang sebagai amal kebajikan untuk mencari dan mengharap keredhaan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala semata-mata. Imam al-Bukhari telah meriwayatkan dalam sebuah hadits dari Hakim bin Hizam Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah bersabda yang maksudnya:

"Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Dan mulailah dari orang yang menjadi tanggunganmu. Dan sebaik-baik sedekah adalah yang dikeluarkan dari orang yang tidak memerlukannya. Barang siapa menjaga kehormatan dirinya maka Allah akan menjaganya dan barang siapa yang merasa cukup maka Allah akan memberikan kecukupan kepadanya."

Justeru itu, kita digalakkan untuk memperbanyakkan sedekah kerana amalan ini memiliki pelbagai manfaat dan rahsia kepada pengamalannya, antaranya adalah; sedekah dapat meningkatkan keimanan dan rasa kesyukuran, menghindarkan diri dari sifat materialistik dan sifat kedekut. Dan ketahuilah juga, sesungguhnya Allah akan meluaskan rezeki mereka yang suka bersedekah sepertimana firman-Nya dalam surah al-Hadiid ayat 18 mafhumnya:

Sesungguhnya orang-orang yang bersedekah laki-laki dan perempuan serta (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta kepada jalan Allah) akan digandakan ganjaran kepada mereka dan mereka akan beroleh pahala yang banyak.

Oleh yang demikian, bagi memastikan agar sedekah kita itu tidak sia-sia, Islam mengajar umatnya untuk menyumbang dan bersedekah dengan menepati erti sedekah yang sebenar. Kita perlulah melakukannya dengan ikhlas kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala. Semoga dengan amalan bantu-membantu dan bersedekah, kita akan terus mendapat berkat, rahmat dan redha dari Allah Subhanahu wa Ta'ala. Aamiin Ya Rabbal Aalamiin.■

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Suriati binti Haji Ali Hussin • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliha bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

MEMEDULI MERINGANKAN KESULITAN BAGI YANG MEMERLUKAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MENTERI Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam menyerahkan sijil rumah kepada salah seorang penerima.

Penyampaian sijil-sijil rumah berkenaan disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam.

Bagi kediaman Dayang Siti Rokiah binti Haji Idris, di Kampung Limau Manis, iaitu rumah bertiang, tiga buah bilik, dengan kos pembinaan BND85,553.69, penyerahan sijil rumah tersebut disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Rumah seterusnya adalah kediaman milik Awang Abdul Ahad bin Haji Lampong, merupakan rumah bertiang, empat buah bilik, terletak di Kampung Lumapas, dengan kos pembinaan BND91,933.80 dan penyerahannya disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri ms. 4

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Jamadilawal bersamaan 28 November - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam Brunei serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan sentiasa berusaha memeduli bagi meringankan kesulitan dan kesusahan yang ditanggung oleh golongan dhaif, fakir serta miskin di negara ini, yang memerlukan bantuan dalam memelihara kesejahteraan dan kebajikan mereka, terutama bagi memenuhi hasrat untuk memiliki tempat tinggal yang lebih baik, selesa serta selamat untuk berteduh.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Sijil Kesiapan Rumah diadakan secara serentak, di lima buah rumah. Bagi kediaman pertama bagi Awang Haji Adam bin Haji Timbang, di Jalan Junjungan, Kampung Limau Manis merupakan sebuah banglo, dua buah bilik, dengan kos pembinaan sebanyak BND79,485.00.



YANG Berhormat Dato Seri Setia Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan menyerahkan plak dan sijil rumah bantuan kepada salah seorang penerima bantuan.

«3 Setia Awang Haji Nazmi bin ms. 3 ms. 3
Haji Mohamad.

Penerima bagi rumah kelima, Dayang Norjanah binti Haji Bakar, di Kampung Limau Manis, iaitu rumah bertiang, tiga buah bilik, dengan kos pembinaan BND89,984.45, di mana penyampaian sijil rumah berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam.

Pembinaan rumah ini adalah di bawah Pengendalian Jawatankuasa Projek Bantuan Perumahan Golongan Dhaif, Fakir dan Miskin.

Skim agihan zakat bagi pembinaan rumah ini dihasrat akan dapat meringankan bebanan kehidupan mereka, terutama dalam menyediakan rumah yang selesa dan sempurna untuk mereka dan seisi keluarga.

Selain itu, ia juga bertujuan memberikan kemudahan bagi mereka untuk melaksanakan ibadah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, di samping menyuntik semangat para penerima agar terus berusaha meningkatkan taraf kehidupan mereka di masa-masa akan datang dan semoga para asnaf fakir miskin sekeluarga akan sentiasa taat menunaikan perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala serta menjauhi segala larangan-Nya. ■



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Nazmi bin Haji Mohamad menyerahkan plak dan sijil rumah bantuan kepada salah seorang penerima.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam menyampaikan sijil rumah kepada Dayang Norjanah binti Haji Bakar, di Kampung Limau Manis.



MENTERI Hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama penerima rumah bantuan berkenaan.

DOA KESYUKURAN MEMPERINGATI PENUBUHAN 25 TAHUN STAR

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



MENTERI Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan sijil kepada salah seorang pelajar Tahun II STAR.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Jamadilawal bersamaan 27 November - Jabatan Pengajian Islam melalui Bahagian Pelajaran Lanjutan telah meraikan seramai 111 pelajar pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja (STAR) yang diselenggarakan dengan Majlis Khatam Al-Qur'an dan Penyampaian Sijil Pelajar Tahun II STAR. Majlis berlangsung di Surau Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Kawasan Brunei I.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam dan diteruskan dengan bacaan doa khatam. Acara disusuli dengan persembahan bacaan Hafiah dan penyampaian Sijil Tamat Tahun II yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Pada majlis berkenaan juga, tetamu kehormat majlis turut dibawa mengunjungi galeri pameran terdiri daripada Galeri Ristaan, Galeri Persembahan, Galeri Terbuka / Simulasi dan Galeri Liputan Media.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah sebagai tanda kesyukuran dan memperingati serta mengimbuu kembali penubuhan STAR berkenaan semenjak ia dibentuk pada tahun 1997 sebagai satu platform untuk mencungkil dan mengasuh bakat kanak-kanak

remaja hingga menjadi belia dan dewasa pelapis qari dan qariah negara.

Majlis berkenaan juga bertujuan untuk menghargai penglibatan kanak-kanak remaja untuk berjinak-jinak dengan pembacaan al-Qur'an secara bertarunum dan memastikan bahawa semua pelajar STAR secara berterusan membaca al-Qur'an sepanjang dua tahun mengikuti pembelajaran.

Majlis seumpama ini juga dihasratkan akan menjadi medium pembarigaan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak remaja di Negara Brunei Darussalam untuk menceburkan diri dalam bidang bacaan al-Qur'an secara bertarunum.

Di samping itu, ia adalah sebagai petunjuk pihak jabatan melalui Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam untuk memacu ke arah melahirkan generasi penerus dalam bidang bacaan tarunum.

Turut hadir, para jemputan khas, para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, para mantan tenaga pengajar dan mantan lepasan pelajar STAR serta ibu bapa pelajar yang diraikan. ■



SUASANA semasa Majlis Khatam Al-Qur'an Pelajar Tahun II STAR diadakan.

LAKUKAN SETIAP PEKERJAAN DENGAN IKHLAS



MENTERI Hal Ehwal Ugama menyampaikan cenderamata kepada salah seorang pegawai yang bersara.

GADONG, Rabu, 14 Rabiulakhir bersamaan 9 November - Meskipun pekerjaan atau khidmat seseorang dinilai sangat baik atau cemerlang menurut 'performance appraisal' dalam ukuran prestasi kerja namun itu belum sempurna menepati penilaian Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jika ia tidak dilakukan dengan ikhlas sesuai dengan keimanannya kepada Allah untuk mengharap akan mendapat redha Allah ke atas.

Jika sebaliknya, yakni tanpa keimanan, tanpa pegangan, tanpa keyakinan yakni kemahuan untuk mendapat redha Allah maka seseorang yang telah bertungkus lumus bekerja, berkhidmat dengan cemerlang tanpa iman itu disebut oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai *al-akhsarina a'mala*, yakni 'orang yang paling rugi amal pekerjaannya' sebagaimana sebutannya dalam ayat 103 surah al-Kahf dan dibaca seterusnya bersama dengan ayat 104 dan 105 bagi mengetahui betapa amal pekerjaan seseorang yang diperkirakan, dinilai, diperhitungkan sebagai paling baik bahkan cemerlang namun menjadi tidak bernilai di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Demikian yang ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan Perkhidmatan bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama Yang Bersara Tahun 2020 dan 2021 yang berlangsung di Songket Ballroom, The Rizqun International Hotel.

Kerja, khidmat dan jasa kita jelas Yang Berhormat hanya akan dinilai baik oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* apabila dibuat dengan sempurna, dilaksanakan dengan niat ikhlas demi mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Menurut Yang Berhormat lagi apa yang lebih penting ialah semoga perkhidmatan kita selama berpuluh-puluh tahun itu akan terhitung dalam rekod amal kita di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai amal shalih. Sebab erti kata berkhidmat itu ialah bekerja dan kerja itu adalah amal.

"Kita sedia maklum bahawa seperti biasa amal tertentu dalam ibadat disebut amal ibadat maka perkhidmatan dalam apa pun juga tugas jawatan adalah

*Oleh : Hajah Ratna Wati
Haji Abdul Karim*

layak dinamakan amal pekerjaan. Ada dengan nilainya menurut ukuran Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Seperti jua amal ibadat ada dengan nilai-nilainya yang tertentu di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* maka sedemikian itu pula nilai amal pekerjaan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan yang jelas ialah seperti yang sudah kita maklumi iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengukurnya lebih teliti, lebih halus dan tidak setakat baik atau sangat baik atau cemerlang seperti halnya dalam ukuran 'performance appraisal' untuk menilai prestasi kerja. Ukuran di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sekali lagi seperti yang sedia kita fahami dan adalah lebih dari itu, jauh lebih dalam iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengetahui niat seseorang lalu menilai dari sudut keikhlasannya membuat sesuatu pekerjaan.

Yang Berhormat turut mendoakan pegawai dan kakitangan yang telah bersara agar selamat di hari-hari persaraan setelah berpuluh tahun berkhidmat sebagai penjawat awam, dan semoga perkhidmatan mereka akan terhitung di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai amal shalih.

Seramai 72 pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2020 dan 64 pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2021 telah diraikan dan seterusnya menerima Sijil Bersara di atas sumbangan mereka sepanjang berkhidmat di kementerian berkenaan.

Majlis penyampaian Sijil Bersara kepada para mantan pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. ■

MEMUPUK DAN MENANAMKAN MINAT MEMPELAJARI BAHASA ARAB



TETAMU kehormat berkesudian menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Rabiulakhir bersamaan 23 November

- Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Program Ta'zeez al-Lughah al-Arabiyyah bil-Madaris al-Arabiyyah, Pejabat Setiausaha Tetap dengan kerjasama Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran menganjurkan Kursus Pengenalan Bahasa Arab Asas Komunikasi, yang diadakan selama lapan hari, iaitu pada setiap Selasa dan Rabu, bermula dari 1 hingga 23 November 2022.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta-peserta yang mengikuti kursus tersebut diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya berkesudian menyampaikan sijil-sijil di majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Jalaluddin Jamil bin Mohd. Kushairi Azam.

Pada majlis itu, tetamu kehormat dalam ucapan alu-aluan berkata kursus ini juga diharap dapat memupuk dan menanamkan minat para peserta untuk terus mempelajari bahasa Arab.

Dalam kepelbagaian bahasa di dunia yang digunakan oleh umat manusia untuk berkomunikasi, uangnya, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memilih bahasa Arab untuk menjadi bahasa yang membawa mesej agama Islam.

Al-Qur'an yang merupakan kitab suci umat Islam dan sumber hukum diturunkan kepada umat manusia dalam bahasa Arab, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang dilantik menjadi utusan terakhir, yang dari mana Baginda sendiri juga dilahirkan dalam kalangan masyarakat Arab yang dari Baginda lahirnya sumber hukum kedua, iaitu as-Sunnah, iaitu hadits, sama ada dalam bentuk 'qauli, fi'li dan 'taqriri'.

Oleh : Dahlan Chuchu

"Pemilihan bahasa Arab dilihat sebagai satu pengiktirafan terhadap bahasa ini kerana melalui penguasaan bahasa Arab ini, para ilmuwan berupaya untuk memahami dan menjelaskan maksud suruhan dan tegahan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*," katanya.

Justeru itu, tambahnya lagi, pemilihan bahasa Arab semestinya membawa seribu satu hikmah dan kelebihan, sama ada kepada bahasa itu sendiri mahupun umat Islam yang perlu mempelajari serta mendalami bahasa Arab.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta kursus, fasilitator dan pembantu fasilitator kursus.

Adapun tujuan kursus diadakan adalah bagi mempromosikan serta membudayakan bahasa Arab kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam kalangan warga perkhidmatan awam dan agensi-agensi yang berkaitan.

Diharap dengan adanya kursus ini, ia akan dapat memberikan pendedahan dan memperkenalkan peserta kursus dengan perkataan asas bahasa Arab serta ungkapan-ungkapan bahasa Arab yang lazim serta mudah dalam komunikasi seharian, di samping memupuk dan menanamkan minat peserta kursus untuk terus mempelajari bahasa Arab.

Seramai 25 peserta berjaya menamatkan kursus tersebut dan menerima sijil masing-masing, di mana para peserta adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perdana Menteri, Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, KHEU, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. ■

SEMBAHYANG SUNAT GERHANA BULAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama para jemaah yang turut hadir semasa menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Rabiulakhir bersamaan 8 November – Gerhana merupakan suatu kejadian yang berlaku pada matahari dan bulan yang memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya, sepertimana terjadinya siang dan malam.

Apabila berlakunya gerhana, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menganjurkan umat Islam supaya melakukan perkara-perkara yang berkebajikan seperti berdoa, berzikir, sembahyang, bersedekah dan beristighfar. Demikian antara inti pati kandungan khutbah khas mengenai fenomena gerhana bulan separa yang berlaku petang tadi.

Menurut khatib lagi, umat Islam seharusnya menjadikan fenomena gerhana satu iktibar dan pengajaran untuk meningkatkan kesedaran diri agar selalu ingat akan kebesaran dan kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, memohon ampun kepada-Nya serta bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan.

Berikutan fenomena gerhana yang berlaku hari ini, semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan secara berjemaah, dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan. Mengimamkan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan di masjid tersebut ialah Yang Mulia Awang Mohamad Hasnal bin Haji Mohamad, Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin. Manakala khutbah khas disampaikan oleh Yang Mulia Awang Zulkifli bin Haji Murat, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Turut hadir Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■



PENTINGNYA DOA DALAM KEHIDUPAN

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



PARA peserta wanita yang mengikuti Malam Munajat berkenaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Rabiulakhir bersamaan 5 November - Wanita mempunyai peranan yang amat penting dalam membentuk institusi keluarga, lingkungan masyarakat dan umat Islam yang sejahtera.

Penglibatan wanita dalam dakwah, khususnya mengajak kepada mengerjakan ibadah dan pelbagai perkara yang bermanfaat serta berkebajikan adalah sangat dianjurkan oleh agama Islam.

Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada minggu ini dibukakan khas untuk penyertaan wanita, dan telah mengundang beberapa tetamu khas dari Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) bersama persatuan-persatuan yang bergabung di dalamnya antaranya ahli Biro Warganita Pertubuhan WARGAMAS; Kumpulan Muslimah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut; dan Kumpulan Muslimah Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kampung Jangsak.

Malam Munajat pada minggu ini juga melihat penyertaan jemaah muslimah daripada 23 buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, serta warga perempuan KHEU bersama ahli keluarga daripada kediaman masing-masing.

Yang Di-Pertua MWNBD, Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd Yusof, memulakan acara pada malam berkenaan dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis

Madang dengan mengepalai bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah.

Bersama beliau ialah para ahli persatuan yang bergabung dalam MWNBD, iaitu Persatuan Pertiwi Negara Brunei Darussalam (NBD); Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WPI) NBD; Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan NBD (BISTARI); Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD); Persatuan Kebajikan Perempuan Kuala Belait; Persatuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB); Persatuan Siswazah Wanita NBD; Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI); Persatuan Gabungan Kebajikan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA); Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA); dan Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL).

Majlis diisikan dengan tazkirah bertajuk 'Berdoalah Kerana Kita Hamba-Nya' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang, dari Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Tazkirah beliau antara lain menjelaskan betapa pentingnya berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kerana doa itu adalah senjata bagi orang yang beriman, dan ia menunjukkan suatu tanda keyakinan dan kebergantungan kita hanyalah kepada-Nya.

Beliau juga turut mengingatkan kita untuk istiqamah berdoa kepada Allah walau apapun keadaan kita, sama ada dalam keadaan yang sentiasa mengingati Allah atau dalam keadaan yang lalai dari mengingati-Nya.

Beliau juga menambah, dalam kita berdoa itu hendaklah kita juga mendoakan kesejahteraan kedua-dua ibu bapa kita atas jasa dan pengorbanan mereka yang begitu banyak dalam membesarkan dan mendidik kita untuk menjadi orang yang berguna.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. ■

SAMBUTAN JUBLI PERAK MASJID SERDANG

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyempurnakan Majlis Sambutan Memperingati Jubli Perak Masjid Serdang dan diselajurkan dengan perasmian logo rasmi masjid berkenaan.

KOTA BATU, Ahad, 25 Rabiulakhir bersamaan 20 November - Masjid Serdang kini mencapai usia ke 25 tahun sejak ia mula beroperasi dan digunakan pada tahun 1997.

Dalam tempoh berkenaan, pelbagai kemajuan telah dapat dicapai oleh Masjid Serdang, khususnya dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti takmir masjid.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Serdang menganjurkan Majlis Sambutan Memperingati Jubli Perak Masjid Serdang, dan diselajurkan dengan perasmian logo rasmi Masjid Serdang serta penyampaian cenderamata kenangan kepada para Pegawai Masjid yang pernah berkhidmat di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Atur cara majlis dimulakan dengan Selawat Tafrijiyyah oleh para peserta belia dan beliawanis Majlis Khatam Al-Qur'an 25 Kali Khatam.

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd Khairul Azmy bin Haji Bakar, selaku Pengerusi Majlis, dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan sejarah Masjid Serdang yang telah pun bermula sejak tahun 1930-an dengan kos perbelanjaan hasil kutipan para penduduk kampung berkenaan dan secara rasmi digunakan pada tahun 1938.

Namun dengan kehadiran tentera Jepun di Brunei jelasnya, fungsi masjid berkenaan telah terganggu dan pada tahun 1951 Masjid Serdang terpaksa dirobohkan kerana mengalami banyak kerosakan.

Menurutnya lagi pada tahun 1964, sebuah balai ibadat dibina oleh para



TETAMU Kehormat menyampaikan Anugerah Khas Jubli Perak kepada Penasihat AJK Takmir Masjid Serdang, Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad.



PENCIPTA logo rasmi masjid berkenaan, Awangku Mohd Rafiuddien menerima hadiah yang disampaikan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

penduduk Kampung Serdang dan diperbesarkan lagi pada tahun 1977 hasil daripada kutipan derma para penduduk kampung dan orang ramai, sehinggalah pada 2 November 1979, balai ibadat berkenaan dibuka rasmi dan diberikan nama Surau Kampong Serdang.

"Pada 26 Ogos 1995, sebuah masjid telah dibina bagi menggantikan surau Kampong Serdang ini, yang tidak dapat lagi menampung keramaian penduduk Kampung Serdang dan penduduk kampung-kampung sekitarnya."

"Masjid ini siap pembinaannya pada 22 Ogos 1996 dengan perbelanjaan lebih BND3.64 juta, dan telah mula digunakan pada bulan November 1997," ujarnya.

Sempena memperingati Jubli Perak Masjid Serdang berkenaan tambahnya, satu Anugerah Khas Jubli Perak diadakan dan pemilihan penerima anugerah berkenaan adalah berdasarkan kepada penglibatan secara aktif dalam Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang dari mula Masjid Serdang ditubuhkan, sering memberikan buah fikiran yang bernas baik semasa mesyuarat jawatankuasa mahupun di luar waktu mesyuarat; komitmen yang berterusan dalam memastikan Masjid Serdang dalam keadaan bersih dan rapi daripada semenjak Masjid Serdang digunakan serta aktif dalam kegiatan takmir dan sentiasa mengambil berat tentang aktiviti takmir masjid.

Di samping itu jelasnya, bersempena dengan Sambutan Memperingati Jubli Perak Masjid Serdang, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid juga telah merancang dan akan melaksanakan pelbagai aktiviti takmir yang lebih menjurus kepada usaha untuk mengimarahkan masjid, antaranya ialah riadah amal, bengkel, ceramah dan pertandingan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an.

Pada majlis berkenaan, Anugerah Khas Jubli Perak diberikan kepada Penasihat AJK Takmir Masjid Serdang, Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad.

Atur cara juga termasuk penyampaian cenderamata dan sijil penghargaan kepada para peserta Majlis Khatam Al-Qur'an 25 Kali Khatam, penyampaian surat lantikan AJK Takmir Masjid bagi sesi 2022 hingga 2024 serta penyampaian penghargaan kepada para peserta mencipta logo rasmi masjid berkenaan yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Di samping memberikan penghargaan kepada AJK Takmir Masjid, sambutan berkenaan adalah juga untuk mengenang jasa para pegawai masjid yang pernah bertugas di masjid berkenaan.

Selain itu, untuk memperkukuhkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan para pegawai masjid, jemaah dan penduduk kampung sekitarnya serta dihasratkan untuk menyerlahkan Masjid Serdang kepada masyarakat luar.



ANTARA yang turut hadir dalam majlis tersebut.

SERAMAI 54 PESERTA MEMPERDENGARKAN BACAAN

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



PARA jemputan yang hadir di Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M.

BERAKAS, Isnin, 26 Rabiulakhir bersamaan 21 November - Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan merupakan wadah untuk mengembangkan lagi dan memartabatkan bidang al-Qur'an sekali gus dapat mendorong masyarakat ke arah celik al-Qur'an dan sebagai zikir untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Ke arah mencapai hasrat berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M yang diadakan selama tiga hari berturut-turut dan berakhir pada 23 November 2022 bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 54 peserta terdiri daripada 41 orang qari dan 13 orang qariah terpilih ke musabaqah berkenaan. Daripada jumlah berkenaan, seramai 34 orang daripadanya, iaitu 28 orang qari dan 6 orang qariah merupakan para peserta yang terpilih pada Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Daerah bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Tahun 1444H/2022M anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid, yang telah berlangsung pada 1 hingga 3 November 2022.

Manakala seramai 10 orang lagi, terdiri daripada lapan qari dan dua qariah merupakan para peserta yang memperolehi markah 80 peratus ke atas selama tiga tahun berturut-turut pada Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan.

Sementara itu, seramai sembilan peserta lagi adalah daripada Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M lalu serta seorang johan qariah Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1441H/2020M.

Pada hari pertama musabaqah berkenaan, seramai 17 peserta terdiri daripada 13 qari dan empat qariah memperdengarkan bacaan masing-masing.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, Pemangku Pengarah Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran, KHEU, Awang Haji Md. Shamsul Riza bin Haji Sulaiman.

Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M diadakan pada hari Khamis, 29 Rabiulakhir 1444 bersamaan 24 November 2022 bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Musabaqah berkenaan merupakan sebagai titik permulaan dan medan bagi para qari dan qariah negara untuk melangkah ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Penganjuran musabaqah berkenaan bertujuan memberi pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara untuk meningkatkan mutu pembacaan al-Qur'an mereka, di samping membuka minda serta menarik minat masyarakat untuk mempelajari teknik bacaan yang betul dan teratur. ■

83 PESERTA KELAS BIMBINGAN MUALLAF DIRAIKAN

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



TETAMU Kehormat menyampaikan sijil-sijil kepada peserta Khatam Al-Qur'an bagi Kelas Bimbingan Muallaf

BERAKAS, Jumaat, 23 Jamadilakhir bersamaan 18 November - Seramai 83 peserta Kelas Bimbingan Muallaf dari keempat-empat buah daerah diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil Kelas Bimbingan Muallaf Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf).

Majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI berkenaan bertujuan bagi memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada para muallaf yang telah selesai mempelajari Kelas Iqra (Kelas Bimbingan Muallaf 2) dan Kelas Al-Qur'an (Kelas Bimbingan Muallaf 3).

Kelas Bimbingan Muallaf yang dikendalikan secara berterusan berkenaan dihasratkan dapat membina keyakinan para muallaf untuk sentiasa mempelajari dan mengamalkan ilmu agama Islam dan seterusnya melahirkan muallaf celik al-Qur'an serta khatam al-Qur'an.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, bersama isteri.

Terdahulu Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Kelas Bimbingan Muallaf Brunei Muara dan Persatuan Nurul Islam (PNI) dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan seterusnya bacaan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis disusuli dengan bacaan Khatam al-Qur'an yang diketuai oleh muallaf dari Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji

Muhd. Nabil Hakim bin Haji Muhd Nabil Hafizzuddin @ Alexson anak Ampeling, diikuti dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam Al-Qur'an dan Dikir Marhaban.

Majlis juga turut diserikan lagi dengan tayangan video pendek pelaksanaan Kelas Bimbingan Muallaf.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Saifullah bin Haji Sofian.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ruslan bin Haji Sulaiman; Pegawai Ugama Kanan, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman; dan Yang Di-Pertua PNI, Awang Haji Mohd Hazwan bin Abdullah. ■



PESERTA Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Kelas Bimbingan Muallaf Brunei Muara dan Persatuan Nurul Islam (PNI)

PUPUK SEMANGAT KANAK-KANAK MENJADIKAN MEMBACA AL-QUR'AN AMALAN HARIAN

Oleh : Azizah Hidup



SALAH sebuah kumpulan yang ikut serta dalam Pertandingan tersebut menerima hadiah daripada tetamu kehormat majlis.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan hadiah kepada para pasukan pemenang di pertandingan tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Pertandingan dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Di samping untuk melahirkan dan menambah bilangan kanak-kanak yang celik al-Qur'an, pertandingan bertujuan untuk menarik minat kanak-kanak mengikuti apa jua aktiviti yang dijalankan di masjid serta menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum yang secara tidak langsung mengimaraskan masjid.

Selain itu, untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara para Pegawai dan Kakitangan JHEM dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan serta peserta-peserta pertandingan. ■



TIMBALAN Setiausaha Tetap menyampaikan hadiah kepada antara pemenang yang mendapat tempat pertandingan.

JERUDONG, Sabtu, 24 Rabiulakhir bersamaan 19 November - Kumpulan Pelajar Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong serta Kumpulan Pelajar Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Masjid Kampung Tanah Jambu, masing-masing muncul johan bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan, pada Pertandingan Membaca Al-Qur'an Secara Muratal bagi Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam, di Masjid, Surau dan Balai Ibadat di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022.

Naib johan bagi Kategori Lelaki disandang oleh Kumpulan Pelajar Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; dan tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Pelajar Kelas Al-Qur'an & Muqaddam Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba.

Sementara bagi Kategori Perempuan, naib johan diberikan kepada Kumpulan Pelajar Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Masjid Kampung Kupang, Tutong dan Kumpulan Pelajar Kelas Al-Qur'an & Muqaddam Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang meraih tempat ketiga.

Pertandingan adalah sebagai salah satu usaha bagi memupuk semangat dalam kalangan kanak-kanak Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara agar celik al-Qur'an serta menjadikannya satu amalan harian yang berpanjangan.

Sebanyak 11 pasukan bagi Kategori Lelaki dan 12 pasukan bagi Kategori Perempuan mengikuti pertandingan tersebut, yang diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL BENGKEL PENGUCAPAN UMUM

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



TETAMU Kehormat menyampaikan cenderamata kepada salah seorang peserta bengkel

PULAIE, Khamis, 15 Rabiulakhir bersamaan 10 November – Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) telah mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Bengkel Pengucapan Umum. Majlis berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah.

Bengkel Pengucapan Umum telah diadakan selama empat hari bermula 7 hingga 10 November 2022. Seramai 30 orang telah menyertai bengkel

berkenaan, terdiri daripada da'ie bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei. Bengkel dimudahcara oleh Yang Mulia Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Objektif utama bengkel ialah untuk melahirkan bakal da'ie tempatan yang berkebolehan dan sekali gus menjadi pelapis da'ie di masa akan datang. Pengisian bengkel antara lain menerangkan kepada peserta mengenai elemen penting dan teknik yang berkesan dalam pengucapan umum, serta memberikan bimbingan asas bagaimana membuat persediaan menjadi seorang da'ie yang memiliki kredibiliti dan syakhsiah seorang pendakwah. Selain itu, bengkel juga mengongsikan garis pandu metodologi da'wah dan membina kemahiran mengendalikan forum.

Dengan adanya bengkel ini diharapkan akan dapat melahirkan bakal da'ie yang berkualiti dan berpotensi serta dapat mengaplikasikan teknik penyampaian da'wah yang lebih berkesan kepada masyarakat. ■



BENGKEL dimudahcara oleh Yang Mulia Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.



TETAMU Kehormat bergambar ramai dengan para peserta bengkel.

Mafhumnya:

Dan sesiapa mencari agama selain agama Islam maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.

Surah 'Aali- Imraan ayat 85

Majlis Pengislaman
NOVEMBER
2022



STATISTIK PENGISLAMAN
Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



Features

DIVINE MAHABBAH

*Love of Allah, for Allah,
by Allah, With Allah*

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

amongst the congregation all would die of thirst and that if he stepped forward he would be humiliated for all eternity. Finally, he raised his hands with a sincerity he had never known before, with a humility he had never tasted, and as tears poured down on both cheeks he said: O Allah, have mercy on me! O Allah, hide my sins! O Allah, forgive me!"

As Nabi Musa 'alaihissalam and the people of Bani Israel awaited for the sinner to step forward, the clouds hugged the sky and the rain poured. Nabi Musa 'alaihissalam asked Allah Subhanahu wa Ta'ala: "O Allah, you blessed us with rain even though the sinner did not come forward?" And Allah Subhanahu wa Ta'ala replied: "O Musa, it is for the repentance of that very person that I blessed all of Bani Israel with water."

Nabi Musa 'alaihissalam wanting to know who this blessed man was, asked: "Show him to me O Allah!" Allah Subhanahu wa Ta'ala replied: "O Musa, I hid his sins for 40 years, do you think that after his repentance I shall expose him?"

Still other stories illustrating Allah's Subhanahu wa Ta'ala love, kindness and mercy:

The Sinner of 40 Years

Once Nabi Musa 'alaihissalam and the Bani Israel suffered an intense drought and prayed for rain but instead the few scattered clouds that were in the sky vanished and the drought intensified.

It was revealed to Nabi Musa 'alaihissalam that there was a sinner amongst the tribe of Bani Israel who had disobeyed Allah Subhanahu wa Ta'ala for more than 40 years of his life. "Let him separate himself from the congregation," Allah Subhanahu wa Ta'ala told Nabi Musa 'alaihissalam: "Only then shall I shower you all with rain."

Nabi Musa 'alaihissalam then called out: "There is a person amongst us who has disobeyed Allah for 40 years. Let him separate himself from the congregation and only then shall we be rescued from the drought. That man, waited, looking left and right, hoping that someone else would step forward, but no one did.

Sweat poured forth from his brow and he knew that he was the one. He knew that if he stayed

- The story of the man who prayed to idols, asking for favours and Allah Subhanahu wa Ta'ala instructing the angels to give him what he was asking for. When the angels asked why and said: He doesn't even pray to you! Allah Subhanahu wa Ta'ala replied: "That's because he doesn't know me ...but I know him!"
- When Pharaoh oppressed the Bani Israel, Nabi Musa 'alaihissalam spoke to Allah Subhanahu wa Ta'ala: "My God, in spite of his unbelief, You grant respite to Firaun. Explain the wisdom of this to me." Allah Subhanahu wa Ta'ala replied: "I have given him a period of grace for he has many good characteristics for which I love him and I do not hasten to destroy My creation O Musa. That Firaun claims to be god in no way diminishes My Majesty." (Lore of Light Vol. 2)
- One day Bishr Haafi saw a wonderful scene in the graveyard. The inmates of the grave were out and it appeared that they are gathering something furiously. When he asked them what they were doing they replied: "A week ago a pious man who passed here recited surah Ikhlash thrice and bestowed the reward to us. From that time until now we are gathering that reward."

(i) Effects of Allah's Subhanahu wa Ta'ala Mahabbah

When a beloved servant of Allah Subhanahu wa Ta'ala who is loved by the angels due to Allah's love for him, enters the grave and into the world of the barzakh, the angels stand awe struck before his presence because they know the place he has with Allah Subhanahu wa Ta'ala. When this servant walks across the fire of hell, it says to him: "Walk O believer, for your light has burnt me." Although the fire of hell affects things, this servant of Allah is not affected by it due to Allah's love for him, but rather he affects the fire of hell. Someone loved by Allah could not stay in hell forever because according to a hadits by al-Bukhari narrated from Abdullah that the Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam said: "Everyone will be with those whom he loves."

SEMBAHYANG MUTLAQ

LAFAZ NAMA SEMBAHYANG MUTLAQ

Maksudnya:

Sahaja aku sembahyang sunat dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

أَصْلِي سُنَّة رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sembahyang sunat Mutlaq adalah sembahyang dua rakaat yang sunat dilakukan pada bila-bila masa melainkan ketika waktu-waktu yang dilarang sembahyang padanya.

Dinamakan ia sunat Mutlaq kerana ia sembahyang sunat yang tidak bersebab, bukan kerana masuk ke masjid, bukan kerana sembahyang sunat sebelum sembahyang fardhu, bukan untuk sesuatu hajat atau sebagainya.

Ia merupakan sembahyang yang dilakukan untuk mengisi waktu lapang dengan amalan yang baik sepertimana amalan Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam dan para sahabat, tabi' tabiin dan para salafusshalih yang sering mengisi masa lapang mereka dengan sembahyang sunat Mutlaq ini.



أَسْمَاءُ الْأَبْنَاءِ
NAMA ANAK
LAKI-LAKI

Qadri Nawfal

قدرى نوفل

Kemampuanku,
Penderma, Tampan

Wazhif al-Farghani

وظيف الفرغاني

Yang Tekun, Gigih,
Nama Saintis Islam

Qawim Tsaqif

قويم ثقيف

Yang Lurus, Bijak, Pandai

Nama-Nama
BISAI
untuk anak
damit



Daripada Ibnu Abbas Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah ia mengelokkan namanya dan megelokkan adabnya..."

(Hadits Riwayat Imam al-Baihaqi)



أَسْمَاءُ الْبَنَاتِ
NAMA ANAK
BINI-BINI

Faiha' Sajidah

فيحاء ساجدة

Rumah atau Taman Yang Luas,
Yang Sujud kepada Allah,
Yang Merendah Diri

Afifah Samra'

عفيفة سمراء

Yang Menjaga Kehormatan Diri,
Yang Menjaga Maruah,
Yang Hitam Manis

Durrah Salsabila

درة سلسبيل

Permata,
Mata Air Di Syurga



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA

MAJLIS MUSABAQAH
MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA
PERINGKAT AKHIR ANTARABANGSA
BAGI TAHUN 1443H / 2022M



'Bertemankan Al-Qur'an Sepanjang Zaman'

"...Al-Qur'an dan Islam adalah cahaya yang mampu untuk menerangi segalanya, termasuk mampu untuk melindungi kita dan negara daripada anasir-anasir perosak, sama ada anasir itu nampak mahupun tidak nampak. Contoh anasir yang tidak nampak ialah seperti musuh dalam selimut dan makhluk dari kalangan jin dan syaitan..."

| Program Keagamaan Belia |

PENGUNAAN MEDIA SOSIAL PERLU SAH SEBELUM MENYEBARKAN

BERAKAS, Ahad, 11 Rabiulakhir bersamaan 6 November - Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) telah menganjurkan Program 'Ilm Series: Call of Da'wah bertempat di Bangunan Darul Huda, PDI.

Seramai 60 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan PDI, Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie, para penuntut institusi pengajian tinggi serta orang awam menyertai program berkenaan.

Program berkenaan bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada umat Islam akan pentingnya dan mudahnya menyebarkan serta mengajak kepada kebaikan melalui media sosial di samping melazimkan adab dalam mengesahkan kebenaran dan kesahihan maklumat yang diterima melalui media sosial sebelum menyebarkannya kepada pihak lain.



Ceramah disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.



PARA peserta yang ikut serta dalam Program 'Ilm Series: Call of Da'wah.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai dakwah yang merupakan tanggungjawab semua dan bukanlah hanya untuk mereka yang mempunyai latar belakang agama sahaja.

Antara pengisian program berkenaan ialah ceramah bertajuk 'Media Sosial: Medium Pahala atau Dosa' yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Beliau dalam ceramahnya antara lain menjelaskan, Islam membawa membebaskan umat manusia daripada berpegang pada makhluk kepada Maha Pencipta. Penggunaan media sosial katanya lagi perlulah berlandaskan kepada 'mindset' akhirat, lebih-lebih lagi tujuan hidup kita sebagai manusia di bumi ini adalah untuk beribadah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan apa sahaja amalan atau kerja yang kita lakukan ialah bagi meraih keredhaan Allah.

Program diteruskan lagi dengan sesi kongsi sama pengalaman sebagai Content Creator yang disampaikan oleh Pengarah Matters of Choice, Muhammad Adam bin Abdullah Chong @ Choi Kai Lung.

Para peserta program juga berpeluang untuk mengetahui pelbagai cara meningkatkan kreativiti 'content' media sosial bagi menguatkan impak atau kesan moral dalam mesej yang hendak disampaikan, dan menjadikan ia lebih bermanfaat untuk masyarakat, khususnya umat Islam.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DUTA-DUTA BESAR DAN PESURUHJAYA TINGGI KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MENTERI Hal Ehwal Ugama bergambar ramai dengan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Selasa, 13 Rabiulakhir bersamaan 8 November – Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R.Tirol-Ignacio.

Kunjungan Hormat berlangsung di Bilik Dhiyafah, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Hadir sama pada kunjungan hormat tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R.Tirol-Ignacio telah menyampaikan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.



MENTERI Hal Ehwal Ugama ketika menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio.



MENTERI Hal Ehwal Ugama menyampaikan cenderahati kepada Tuan Yang Terutama Major General (Retd.) Farhat Abbas Sani, Hilal-e-Imtiaz. Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum itu Yang Berhormat Menteri telah menerima kunjungan hormat daripada dua orang perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam pada tarikh yang berasingan iaitu Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Major General (Retd.) Farhat Abbas Sani, Hilal-e-Imtiaz dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai. Kunjungan hormat tersebut masing-masing telah berlangsung pada 3 dan 7 November yang lalu bertempat di Bilik Dhiyafah, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tuan Yang Terutama Major General (Retd.) Farhat Abbas Sani, Hilal-e-Imtiaz dan Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai telah menyampaikan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 20 Oktober 2022. ■